

Malaysia tidak harus terlampau bergantung kepada GSP .-PM

DM 24 AUG 1990

SUNGAI PETANI 23 Ogos — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata Malaysia tidak seharusnya terlampau bergantung kepada kemudahan GSP dalam pasaran barangannya untuk eksport kerana ia boleh menjadi satu ancaman kepada negara ini.

Serentak dengan itu beliau menyeru para pekerja di negara ini meningkatkan daya pengeluaran dan kualiti barang-barang sebagai jalan keluar untuk menghadapi kemungkinan GSP ditarik balik.

Menurut Perdana Menteri negara tidak boleh terlampau bergantung kepada GSP kerana ianya boleh menjadi satu ancaman apabila tahap itu boleh ditarik balik pada bila-bila masa sahaja.

"Kita tak boleh bergantung kepada GSP kerana kalau terlampau sangat dia sikit-sikit nak tarik balik GSP," katanya ketika berucap kepada para pekerja kilang Kawasan Perindustrian Bakar Arang, Tikam Batu dan Sungai Petani di sini hari ini.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata baru baru ini semasa Malaysia menyatakan hasratnya untuk tidak membenarkan pelarian Vietnam mendarat di negara ini mereka hendak menarik balik pemberian GSP itu.

"Jadi selagi kita dok bergantung kepada GSP selama itulah dia akan mengancam kita," katanya.

Terdahulu dari itu Dato' Sri Dr. Mahathir serta anggota rombongannya dibawa melawat Loji Pembersihan Air Pinang Tunggal dan mendengar taklimat dari jurutera perunding projek tersebut, Encik Muhsin Mohd. Rashid.

Menurut Perdana Menteri sekiranya para pekerja dapat meningkatkan pengeluaran iaitu meningkatkan mutu, menam bikan kuantiti serta kualiti barangan yang dikeluarkan hingga membolehkan kos keluaran menjadi rendah, barangan negara ini akan terus masih boleh dijual walaupun GSP ditarik balik.

Beliau berkata pada masa ini barangan kita boleh dijual kepada pasaran Amerika Syarikat kerana negara itu mengenakan cukai yang rendah.

"Pemberian GSP ini boleh ditarik balik pada bila-bila masa dan mereka tiap-tiap tahun mengkaji sama ada untuk terus memberi tahap itu kepada kita atau tidak," katanya.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir apabila ia ditarik balik tentu barang tidak boleh dijual dan akan mengakibatkan kilang ditutup manakala para pekerja pula akan kehilangan pekerjaan.

Oleh
Abdul Hamid Mohammad

"Bagi menghadapi kemungkinan itu para pekerja hendaklah meningkatkan pengeluaran iaitu secara memperingkatkan mutu serta kuantiti yang banyak dari biasa, dengan itu kos keluaran akan lebih rendah dan barang kita masih boleh dijual walaupun tak dapat GSP," katanya.

Dato' Sri Dr. Mahathir yakin negara ini akan terus maju dan tidak beberapa lama lagi boleh menjadi sebuah negara perusahaan seperti Eropah, Amerika dan Jepun sekiranya para pekerja dapat meningkatkan produktiviti serta tidak mudah bertelingkah dengan majikan.

"Kita jangan mudah bertelingkah antara pengurusan dengan pekerja, kalau nak ada kesatuan boleh ada kesatuan, tapi kena lihat syarikat kita, kalau syarikat kita bagi layanan baik tidak ada sebab kita harus bertelingkah dengan mereka," katanya.

Dato' Sri Dr. Mahathir mengingatkan para pekerja supaya berkhidmat dengan jujur serta bertanggungjawab bagi menjamin para pelabur terus melabur di negara ini bukan untuk kepentingan kerajaan semata-mata tetapi untuk kepentingan mereka sendiri.

"Mereka datang ke sini untuk mencari untung dan pada masayang sama memberi peluang pekerjaan kepada kita," katanya sambil memberitahu pada masa ini lebih 120,000 orang bekerja di kilang elektronik sahaja.

Sehubungan dengan itu beliau mengingatkan para pekerja supaya menentukan mereka tidak melakukan sesuatu yang mungkin menyebabkan para pelabur melarikan diri dari negara ini dan terus tidak mahu datang ke Malaysia.

"Untuk menentukan mereka akan terus melabur di sini maka kita kena tentukan mereka mendapat untung kalau kita membuat benda-benda yang menyebabkan mereka mengalami kerugian maka sudah tentu mereka tak datang ke sini," katanya.

Beliau berkata sebab itu para pekerja mestilah berhati-hati dalam kerja-kerja mereka supaya majikan berpuashati dengan perkhidmatan mereka.

Katanya kalau para pekerja dapat memberi perkhidmatan yang baik mudah-mudahan mereka akan diberi kenaikan gaji.